

HARGA: RM50.00



**KEMENTERIAN DALAM
NEGERI MALAYSIA**

**DOKUMEN PELAWAAN TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN
PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA THROUGH LIFE
SUPPORT (TLS) UNTUK PESAWAT KING AIR 350 MILIK POLIS DIRAJA
MALAYSIA (PDRM)**

**NOMBOR TENDER
KDN/PL 35/2019-PT**

**TARIKH BUKA TAWARAN
22 MAC 2019 (JUMAAT)**

**BIDANG PENDAFTARAN
110503 DAN 220703**

**KUANTITI DIPERLUKAN SEPERTI
DI DOKUMEN 1**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
15 APRIL 2019 (ISNIN)**

**MASA TUTUP TAWARAN
12.00 TENGAH HARI**

NO. PETI TENDER

8

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

DOKUMEN PELAWAAN TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN
PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA *THROUGH LIFE
SUPPORT (TLS)* UNTUK PESAWAT KING AIR 350 MILIK POLIS
DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

NOMBOR TENDER	KDN/PL 35/2019-PT
ePEROLEHAN	-

MUSTAHAK

PETENDER DIKEHENDAKI MEMAHAMI DAN MEMATUHI SYARAT DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI TENDER INI

HANYA PETENDER (SYARIKAT) YANG DICATATKAN NAMANYA DI ATAS DOKUMEN 1 SEMASA MEMBELI DOKUMEN SAHAJA SAH MENGGUNAKAN DOKUMEN TERSEBUT UNTUK MENGEMUKAKAN TAWARAN

SATU (1) PETENDER HANYA DIBENARKAN MEMBELI SATU (1) DOKUMEN DAN MENGEMUKAKAN SATU (1) TAWARAN TENDER SAHAJA. TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN

1. PERIHAL

- 1.1 Kementerian Dalam Negeri Malaysia mempelawa tender bagi bekalan peralatan dan/atau bahan seperti di Lampiran 'A'.

2. SYARAT-SYARAT BAGI PETENDER

- 2.1 Hanya petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di dalam BIDANG dan TARAF Petender yang disebutkan di Lampiran 'A' sahaja dibenarkan mengambil bahagian di dalam tawaran tender ini.

- 2.2 Petender mestilah mengemukakan salinan fotostat dan salinan asal Akuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan semasa membeli dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan petender berkenaan tidak dibenarkan membeli dokumen tender. Satu petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen tender dan mengemukakan satu tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. (Sila rujuk Perkara 8 (iv) PK 2/2013 1

Pekeliling Perbendaharaan (1 PP) – Kaedah Perolehan Kerajaan).

- 2.3 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas tender-tender yang dikemukakan. Oleh itu sekiranya petender-petender menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tender diberikan kepadanya, maka tindakan menggantung/membatalkan pendaftaran akan diambil seperti berikut:-
- 2.3.1 Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - 2.3.2 Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - 2.3.3 Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
- 2.4 Syarikat-syarikat yang digantung atau dipotong pendaftarannya tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam mana-mana tender yang dipelawa oleh semua Kementerian/Jabatan Berkanun di seluruh Malaysia.
- 2.5 Bagi semua penggantungan/potongan pendaftaran syarikat, nama pengarah-pengarah termasuk nama pemegang-pemegang saham terbesar akan disenaraihitamkan.

3. SYARAT-SYARAT AM

- 3.1 Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh petender.
- 3.1.1 Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
 - 3.1.2 Kerajaan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
 - 3.1.3 Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
 - 3.1.4 Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

- 3.1.5 Petender dikehendaki memperakui bahawa barang-barang atau/dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
- 3.1.6 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui tawarannya boleh ditolak.
- 3.1.7 Apabila diminta, petender hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- 3.1.8 Para 3.1.1 dan 3.1.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.
- 3.1.9 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan mana-mana tawaran boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Perbendaharaan atau pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.
- 3.1.10 Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

4. JADUAL PEMATUHAN KRITERIA KOMERSIL

- 4.1 Jadual Pematuhan Kriteria Komersil seperti di **DOKUMEN 1** adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diuruskan seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacat dan menggagalkan tawaran pelawaan tender.
- 4.2 Petender hendaklah menyatakan dengan jelas pematuhan terhadap Kriteria Komersil seperti yang dinyatakan pada **DOKUMEN 1**.
- 4.3 Petender juga hendaklah mengemukakan segala dokumentasi berkaitan bagi mendukung pernyataannya berkaitan pematuhan terhadap Kriteria Komersil dan dilampirkan ke dalam **DOKUMEN 1**.

- 4.4 Petender dikehendaki membuat ulasan/kenyataan yang sewajarnya di ruangan yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menjelaskan penilaian terhadap tawaran yang dibuat.
- 4.5 Satu petender hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran tender sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

5. JADUAL PEMATUHAN KRITERIA TEKNIKAL

- 5.1 Jadual Pematuhan Kriteria Teknikal seperti di **DOKUMEN 3** adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diuruskan seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacat dan menggagalkan tawaran pelawaan tender.
- 5.2 Petender hendaklah menyatakan dengan jelas pematuhan terhadap Kriteria Teknikal seperti yang dinyatakan pada **DOKUMEN 3**.
- 5.3 Petender juga hendaklah mengemukakan segala dokumentasi berkaitan bagi mendukung pernyataannya berkaitan pematuhan terhadap Kriteria Teknikal dan dilampirkan ke dalam **DOKUMEN 3**.
- 5.4 Petender dikehendaki membuat ulasan/kenyataan yang sewajarnya di ruangan yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menjelaskan penilaian terhadap tawaran yang dibuat.
- 5.5 Satu petender hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran tender sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

6. TARIKH TUTUP TENDER

- 6.1 **Tarikh dan masa tutup** bagi penerimaan tender ini adalah seperti dinyatakan di **Lampiran 'A'**. Tawaran dan contoh-contoh sebagaimana diminta yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diberi pertimbangan.

7. PENGHANTARAN RISALAH/KATALOG/LUKISAN PELAN

- 7.1 Petender-petender dikehendaki mengemukakan **risalah @ katalog asal @ dokumentasi sokongan** mengenai peralatan/pendaftaran dan/atau bahan yang ditawarkan. Petender-Petender tidak dibenarkan menulis nama atau tanda perniagaan di atas risalah/katalog tersebut, sebaliknya

hendaklah ditulis di atas sekeping kad yang dilekatkan kepada risalah itu.

- 7.2 Petender-petender dikehendaki membuat tanda dengan jelas peralatan dan/atau bahan yang ditawarkan jika risalah tersebut menunjukkan banyak jenis peralatan dan/atau bahan.

8. DOKUMEN TENDER

- 8.1 Petender-petender dikehendaki mengisi dengan lengkap segala butir-butir di dalam dokumen berikut :-
- | | | |
|-------|-----------|--------------------------------------|
| 8.1.1 | DOKUMEN 1 | - Jadual Pematuhan Kriteria Komersil |
| 8.1.2 | DOKUMEN 2 | - Butir-butir Petender |
| 8.1.3 | DOKUMEN 3 | - Jadual Pematuhan Kriteria Teknikal |

9. PERATURAN MENGISI DAN MENGIRIM DOKUMEN

- 9.1 Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan sama ada ditaip atau ditulis dengan kemas dan terang. Maklumat yang tidak jelas akan menjelaskan tawaran yang dibuat. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Petender dibenarkan menaip atau menulis maklumat itu di dalam kertas tambahan. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh Petender dan diberi tarikh serta diletakkan cop syarikat.
- 9.2 Dokumen-dokumen di bawah perlu dikembalikan kepada Kementerian ini:-
- | | |
|-------------------------------|---|
| 9.2.1 DOKUMEN 1
(Sampul A) | Jadual Pematuhan Kriteria
Komersil |
| 9.2.2 DOKUMEN 2
(Sampul A) | Butir-Butir Petender |
| 9.2.3 DOKUMEN 3
(Sampul B) | Jadual Pematuhan Kriteria
Teknikal |
| 9.2.4 DOKUMEN 4
(Sampul A) | Surat Kebenaran Untuk
Menyemak Maklumat
Penyata Bank Dengan Pihak
Bank |

- 9.2.4 Risalah @ Katalog Asal @ Ookumentasi Sokongan tawaran yang dibuat.
 - 9.2.5 Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat bagi tiga (3) bulan terakhir (lampirkan ke dalam Sampul A).
 - 9.2.6 Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang diaudit oleh juruaudit bertaualiah bagi dua (2) tahun terakhir (lampirkan ke dalam Sampul A).
 - 9.2.7 Surat Pelantikan Wakil atau Agen Pengeluar sekiranya berkaitan (Sila sertakan di dalam Sampul B).
- 9.3 Petender tidak dibenarkan mencatat nama petender dan harga dalam Dokumen 3 (Jadual Pematuhan Kriteria Teknikal) yang dikemukakan. Petender yang tidak mengikut arahan ini akan menyebabkan tawaran tender tidak layak dipertimbangkan. (Sila rujuk Surat Perkara 8(iii) (b) (2) (iii) PK 2/2013 Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Kaedah Perolehan Kerajaan).
- 9.4 Dokumen-dokumen yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandai dengan jelas seperti arahan di Lampiran 'A'. Sampul surat hendaklah dialamatkan kepada:-
- KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN OALAM NEGERI
SAHAGIAN PEROLEHAN
ARAS 4, BLOK 01, KOMPLEKS 0
PUSAT PENTAOBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA
- 9.5 Sampul surat berlakri tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti ditetapkan di Lampiran 'A' yang terletak di Kementerian Oalam Negeri, Sahagian Perolehan, Aras 4, Blok 01, Kompleks 0, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya, Wilayah Persekutuan.
- 9.6 Tender juga boleh dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta. Bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak kepada sebarang kelewatan, kehilangan atau sebagainya terhadap tender-tender yang dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta.

10. PENYERAHAN BORANG TAWARAN

- 10.1 Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri (*sealed*) yang bertanda di atasnya seperti berikut :-

"TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN BAGI PERKHIDMATAN
SENGGARAAN SECARA *THROUGH LIFE SUPPORT* (TLS)
UNTUK PESAWAT KING AIR 350 MILIK POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PDRM)"

NO. e-PEROLEHAN

NO. TENDER : KON/PL 35/2019-PT

dan di alamatkan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Sahagian Perolehan
Aras 4, Blok 01, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

- 10.2 Sila catatkan No. Tender KON/PL 35/2019-PT pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
- 10.3 Borang-borang yang telah lengkap diisi itu kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender No. 8 di Sahagian Perolehan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 4, Blok 01, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya Wilayah Persekutuan.
- 10.4 Tender boleh dihantar melalui tangan atau pos. Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung kepada sebarang kelewatan, kehilangan atau sebagainya terhadap tender yang dihantar melalui pas.

* Ringkasan senarai semak boleh dirujuk seperti di dalam jadua/ di bawah :-

Senarai Semak Penyerahan Tender

Bil	Senarai Dokumen	Tindakan			
		Kunci masuk (key in) dalam sistem ePerolehan	Muat turun (download) dari sistem ePerolehan, cetak dan lengkapkan	Muat naik (upload) ke dalam sistem ePerolehan	Serahan secara manual (hardcopy)
1.	Senarai Sernakan				✓
2.	Dokumen 1 – Jadual Pematuhan Kriteria Komersil				✓
3.	Dokumen 2 – Butir- Butir Petender				✓
4.	Dokumen 3 – Jadual Pematuhan Kriteria Teknikal				✓
5.	Dokumen 4 – Surat Kebenaran Untuk Menyemak Maklumat Penyata Bank				✓
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan				✓
7.	Surat Keputusan Permohonan Pendaftaran CJCP daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia				✓
8.	Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat untuk 3 bulan terakhir				✓
9.	Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang diaudit oleh juruaudit bertauliah bagi dua (2) tahun terakhir				✓
10.	Lain-lain dokumen yang berkaitan (Sekiranya ada)				✓

11. TEMPOH SAH TENDER

- 11.1 Semua harga yang ditawarkan di dalam tender ini hendaklah sah dan tidak boleh ditarik balik dalam tempoh sekurang-kurangnya **180 hari** dari tarikh tender ini ditutup.
- 11.2 Kementerian akan meminta persetujuan semua Petender sekiranya tempoh tersebut perlu dilanjutkan. Petender yang **tidak bersetuju** akan hilang haknya untuk terus menyertai tender berkaitan

12. PEMBATALAN TENDER

- 12.1 Kementerian Dalam Negeri berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa, sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Petender kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Petender dan pihak Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

13. BANTAHAN

- 13.1 Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan penentuan Kriteria Komersil dan Kriteria Teknikal yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh Petender dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh iklan tawaran tender. Bantahan yang diterima selepas daripada tempoh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada :-

**SETIAUSAHA
SAHAGIAN PEROLEHAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 4, BLOK 01, KOMPLEKS
D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA
(Faks : 03-8889 1599 atau 03-8881 0184)**

- 13.2 Bantahan juga hendaklah disalalinkan kepada :-

**KETUA SETIAUSAHA
PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA SAHAGIAN
PEROLEHAN KERAJAAN
ARAS 3, 4 & 5 (UTARA) PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA**

14. SETUJU TERIMA TENDER

- 14.1 Kementerian Dalam Negeri adalah berhak mempersetujui tender sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.
- 14.2 Kementerian Dalam Negeri tidak terikat mempersetujui tender yang rendah sekali atau mana-mana tender juapun.
- 14.3 Kementerian Dalam Negeri akan memberi notis bertulis kepada Petender yang berjaya apabila tawarannya dipersetujui.

- 14.4 Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian kepada syarat-syarat tawaran. Tender itu tidak boleh diterima sehinggalah persetujuan bertulis daripada Petender menyatakan bahawa pengubahsuaian syarat itu adalah diterima.
- 14.5 Apabila dipersetujui maka suatu perjanjian hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Kerajaan dengan Petender dan suatu perjanjian akan diadakan selepas persetujuan tersebut.

15. BON PELAKSANAAN

- 15.1 Petender-Petender yang berjaya dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan untuk memastikan perjanjian dilaksanakan mengikut syarat-syarat dalam perjanjian. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dalam bentuk seperti berikut :-
 - 15.1.1 Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;atau
 - 15.1.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;atau
 - 15.1.3 Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;atau
 - 15.1.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;atau
 - 15.1.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 16.2 Bon Pelaksanaan ini hanya akan dikembalikan 12 bulan selepas tamat perjanjian atau pembekalan barang yang terakhir dengan syarat bekalan berkeadaan baik dan memuaskan.
- 16.3 Bagi perjanjian melebihi **RM500,000.00** Petender yang berjaya dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan dengan kadar 5.0% dari nilai perjanjian setahun. Bagi perjanjian yang tidak melebihi **RM500,000.00** Petender yang berjaya dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan dengan kadar 2.5% dari nilai perjanjian setahun.

17. TEMPOH PERJANJIAN

- 17.1 Tempoh perjanjian ini adalah untuk jangka masa seperti ditetapkan di **Lampiran A**. Kementerian Dalam Negeri berhak untuk menentukan tarikh permulaan dan tamat perjanjian. Draf Terma Perjanjian adalah seperti di **Lampiran A2**. Bagaimanapun ianya tertakluk kepada persetujuan bersama sebelum perjanjian ditandatangani.

18. KEUTAMAAN KEPADA BARANG TEMPATAN

- 18.1 Petender hendaklah memberikan **keutamaan** untuk membuat bekalan barang-barang yang diproses di dalam negara.

19. DOKUMEN PENGESAHAN

- 19.1 Petender-petender yang dilantik sebagai wakil atau agen bagi pengeluar tertentu hendaklah mengemukakan dokumen pengesahan daripada pengeluar berkenaan. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen pengesahan tersebut boleh menjaskankan penilaian terhadap tawaran yang dibuat.

20. KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD

- 20.1 Kementerian Dalam Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Petender-petender. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender ini tidak akan dilayan.

21. IKLAN DAN PUBLISITI

- 21.1 Tiada maklumat berkenaan tender atau kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

22. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 22.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 1964).
- 22.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam,

maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 1964).

- 22.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 1964).
- 22.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 1964).

23. URUS SETIA TENDER

- 23.1 Petender-Petender yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai yang dinyatakan di **Lampiran 'A'** atau alamat berikut :-

**SETIAUSAHA SAHAGIAN PEROLEHAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 4, BLOK 01, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA**

*Bahagian Perolehan
Kementerian Dalam Negeri*

LAMPIRAN 'A'

**DOKUMEN PELAWAAN TENDER
KDN/PL 35/2019-PT**

**(PERKARA YANG DINYATAKAN DI BAWAH ADALAH
SYARAT TAWARAN TENDER YANG PERLU DIPATUHI OLEH
PETENDER)**

1. Perihal Tender : **Tender Terbuka Pra-Kelayakan Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Secara *Through Life Support* (TLS) Untuk Pesawat King Air 350 Milik Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
2. Bidang Pendaftaran : **110503 DAN 220703**
3. Taraf Petender : **Terbuka**
4. Anggaran Keperluan (Kuantiti) : **Tidak Berkenaan**
5. Contoh Barang : **Tidak Berkenaan**
6. Tarikh dan Masa Tutup Penghantaran Contoh : **Tidak Berkenaan**
7. Tarikh dan Masa Tutup Tender : **15 April 2019 - 12.00 tengah hari**
8. Lawatan Tapak Taklimat Tender : **Tidak Berkenaan**
9. Tanda Sampul Surat :
(Sampul A dan B)
hendaklah disatukan ke dalam satu sampul utama) :
ARAHAN
: Sampul A - (Dokumen 1, Dokumen 2, Dokumen 4)
: Sampul B - (Dokumen 3, Katalog dll. Dokumen)
: Tandakan

No./Taju Tender	KDN/PL 35/2019-PT TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA <i>THROUGH LIFE SUPPORT</i> (TLS)
No. Peti	8
10. Nombor Peti : **8**
Tender

11. Tempoh : **LIMA (3 + 2) TAHUN Perjanjian**

13. Urus setia
Tender
Pegawai : **AZMAN BIN AHMAD**
Telefon : **03 - 8886 8157**

Pembantu : **MOHD. FAIZAL BIN ZAKARIA**
Tadbir
Telefon : **03 - 8886 8162**

LAMPIRANINI TIDAK PERLU DIKEMBALIKAN

SENARAI SEMAKAN

Sila Tandakan

Bagi Dokumen - Dokumen Yang Disertakan

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 1. | Salinan Sijil Pendaftaran dan Taraf Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Dokumen 1 (Jadual Pematuhan Kriteria Komersil) Telah Diisi dan Ditandatangani | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Dokumen 2 (Butir-Butir Petender) Telah Diisi dan Ditandatangani | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Dokumen 3 (Jadual Pematuhan Kriteria Teknikal) Telah Dilengkapkan | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Dokumen 4 (Surat Kebenaran Menyemak Maklumat Bank) | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Senarai Kakitangan (Sekiranya Berkenaan) | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Salinan Akuan Syarikat Yang Telah Disahkan dan Diaudit | <input type="checkbox"/> |
| 8. | Salinan Penyata Bulanan Akuan Bank Bagi 3 Bulan Terakhir | <input type="checkbox"/> |
| 9. | Tiada Nama Syarikat Dalam Dokumen Tawaran Teknikal | <input type="checkbox"/> |
| 10. | Senarai Semakan Yang Telah Ditandakan | <input type="checkbox"/> |
| 11. | Lain-Lain Sekiranya Ada (Sila Catatkan) | <input type="checkbox"/> |

DOKUMEN 1

**JADUAL PEMATUHAN KRITERIA
KOMERSIL**

**(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP OLEH
PETENDER DAN DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKKANYA
KE DALAM SAMPUL A)**

DOKUMEN 1

Ruangan ini untuk kegunaan Kementerian

**JADUAL PEMATUHAN KRITERIA KOMERSIL TENDER PRA-KELAYAKAN
BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA *THROUGH LIFE
SUPPORT*(TLS) UNTUK PESAWAT KING AIR 350 MILIK POLIS DIRAJA
MALAYSIA (PDRM)**

**(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP DAN
DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA KE DALAM SAMPUL A)**

BIL	PERKARA / KRITERIA	PEMATUHAN	CATATAN PETENDER
1	Pengenalan		
	1.1 Kementerian Dalam Negeri berhasrat untuk menjemput tawaran daripada syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk perolehan Perkhidmatan Senggaraan Secara <i>Through Life Support</i> {TLS} Untuk Lima (5) Buah Pesawat King Air 350 milik Pasukan Gerakan Udara (PGU), Polis Diraja Malaysia (PDRM).	YA/TIDAK	
	1.2 Objektif utama perolehan adalah bagi memenuhi keperluan penyenggaraan terbabit termasuk dokumentasi berkaitan tertakluk kepada penetapan piawaian yang digariskan oleh Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) serta untuk mendukung operasi <i>fleet</i> pesawat berkenaan.	YA/TIDAK	
2	Kriteria Komersil		
	2.1 Keupayaan Kewangan (<i>Net worth</i> atau modal pusingan atau modal mudah cair)	YA/TIDAK	
	2.2 Pengalaman petender melaksanakan perolehan seumpama (lampirkan salinan Surat Setuju Terima / Surat Tawaran berkaitan vane lengkap)	YA/TIDAK	
	2.3 Prestasi kerja / perkhidmatan / pembekalan yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini. Lampirkan pengesahan daripada pihak penerima bekalan/perkhidmatan/berkaitan.	YA/TIDAK	
	2.4 Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat untuk 3 bulan terakhir (Disember 2018, Januari dan Februari 2019) vane disahkan oleh Institusi Kewangan.	YA/TIDAK	

* Petender hendaklah membuat ulasan ataupun mengemukakan tawaran di ruang yang berkaitan. Lampirkan dokumentasi bagi mendukung pernyataan.

Saya/kami telah membaca dan meneliti serta memahami syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Dokumen Tender, dengan ini membuat tawaran seperti di atas. Saya/kami mengaku maklumat dan tawaran tersebut adalah benar.

Nama Petender :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

DOKUMEN 2

**BUTIR-BUTIR
PETENDER**

**(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP OLEH
PETENDER DAN DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA
KE DALAM SAMPUL A)**

DOKUMEN 2

BUTIR-BUTIR PETENDER

PERHATIAN PENTING

1. Semua maklumat yang diperlukan (kecuali dinyatakan sebaliknya) di dalam **Dokumen 2** hendaklah diisi dengan terang, jelas dan tepat sama ada secara bertulis atau ditaip.
2. Penggunaan kertas tambahan adalah dibenarkan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.
3. Petender dikehendaki **menyertakan salinan fotostat** bagi butiran yang dinyatakan di dalam **Dokumen 2**.
4. Petender juga boleh mengemukakan **salinan fotostat bilamana bersesuaian** mengikut pertimbangan Petender bagi butiran yang tidak dinyatakan keperluan salinan di dalam **Dokumen 2**.
5. **Dokumen 2** ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan tawaran dan dimasukkan ke dalam **Sampul 'A'**.

DOKUMEN 2

BUTIR-BUTIR
PETENDER

A. AM

Bil.	Perkara	
1.	Nama Petender	
2.	Nama Syarikat	
3.	Nombor Pendaftaran Syarikat	
4.	Tarikh Ditubuhkan	
5.	Jenis Perniagaan	
6.	Taraf Syarikat	Bumiputera/Bukan Bumiputera* (Sertakan salinan Fotostat Sijil Taraf Syarikat)
7.	Status Syarikat	Syarikat Tempatan/Syarikat Asing*
8.	Alamat Syarikat	
9.	Nombor Telefon Syarikat	
10.	Nombor Telefon Bimbit	
11.	Nombor Faks Svarikat	
12.	Alamat E-mel Svarikat	
13.	Alamat Kilang	
	(Jika Berkaitan)	

8. BIDANG PENDAFTARAN

(Nyatakan bidang pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan sertakan salinan Sijil Pendaftaran)

Bil.	Bidang	Jenis Barang/Item/Perkhidmatan
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

C. PEMILIKAN SAHAM

1. Nyatakan nama-nama warganegara yang memiliki saham Syarikat

Bil.	Nama	Warganegara	Jumlah Saham (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

2. Nyatakan Peratusan Pemilikan Saham Syarikat

Bil.	Taraf	Peratusan (%)
1.	Bumiputera	
2.	Bukan Bumiputera	
3.	Modal Asing dan Nama Negeri	

D. KEDUDUKAN KEWANGAN

1. Nyatakan dengan jelas dan sertakan salinan dokumen berkaitan.

1.	Total Authorised Capital	RM
2.	(Share) Total Paid Out Capital	RM
3.	Penyata Akaun Bank Syarikat	Sertakan Salinan Penyata Bank Syarikat bagi tiga bulan terakhir.
4.	Penyata Kewangan Syarikat	Sertakan Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang diaudit oleh Juruaudit bertauliah bagi dua

E. HARTA MODAL (ASET)

(Nyatakan butir-butir harta modal dan peralatan yang dimiliki berkaitan dengan aktiviti Syarikat)

1. Kenderaan

Bil.	Jenis	Jumlah
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

2. Peralatan

Bil.	Jenis	Jumlah
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

F. KAKITANGAN

1. Nyatakan Bilangan Kakitangan Berdasarkan Taraf dan Bidang

Bil.	Taraf	Bidang	Jumlah	Peratus (%)
1.	Bumiputera	Pengurusan		
		Operasi		
2.	Bukan Bumiputera	Pengurusan		
		Operasi		
3.	Bukan Warganegara	Pengurusan		
		Operasi		
Jumlah				

2. Nyatakan Bilangan Kakitangan Mengikut Pengkhususan Jawatan
(Jika bersesuaian)

Bil.	Jawatan	Jumlah
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		

G. PENGALAMAN SYARIKAT

(Nyatakan dengan jelas pengalaman lepas dan aktiviti semasa Syarikat, sertakan dokumen sokongan jika perlu. **Mohon disertakan salinan Surat Setuju Terima LENGKAP bagi pengalaman dengan agensi Kerajaan.**)

1. Pengalaman Lepas (Kontrak Telah Tamat)

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				

2. Aktiviti/Kegiatan Semasa (Kontrak Masih Berkuat kuasa)

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				

H. PERAKUAN

Saya/kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar. Saya juga menyedari sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan ini adalah palsu atau tidak benar, maka Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap saya dan Syarikat yang saya wakili di bawah apa-apa undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Tandatangan : _____

Nama Petender : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

DOKUMEN 3

JADUAL PEMATUHAN KRITERIA TEKNIKAL

**(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP OLEH
PETENDER DAN DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA KE
DALAM SAMPUL B)**

Ruangan ini untuk kegunaan Kementerian

JADUAL PEMATUHAN KRITERIA TEKNIKAL
TENDER PRA-KELAYAKAN BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
SECARA THROUGH LIFE SUPPORT(TLS) UNTUK PESAWAT KING AIR 350
MILIK POLIS DI RAJA MALAYSIA (PDRM)
(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP DAN
DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA KE DALAM SAMPUL B)

BIL	PERKARA / KRITERIA	PEMATUHAN	CATATAN PETENDER
1	Pengenalan		
	1.1 Kementerian Dalam Negeri berhasrat untuk menjemput tawaran daripada syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk perolehan Perkhidmatan Senggaraan Secara Through Life Support (TLS) Untuk Lima (5) Buah Pesawat King Air 350 milik Pasukan Gerakan Udara (PGU), Polis Diraja Malaysia (PDRM)	YA / TIDAK	
	1.2 Objektif utama perolehan adalah bagi memenuhi keperluan penyenggaran terbabit termasuk dokumentasi berkaitan tertakluk kepada penetapan piawaian yang digariskan oleh Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) serta untuk mendukung operasi <i>fleet</i> pesawat berkenaan	YA / TIDAK	
2	Kriteria Komersil		
	2.1 Petender perlu diiktiraf sebagai CAAM <i>Part 145 Approve Maintenance Organization</i> (AMO) dan memiliki kelulusan untuk melaksanakan penyelenggaraan pesawat secara <i>base</i> dan <i>line</i> , atau pernah memiliki kelulusan atau telah membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada CAAM. Petender juga perlu mempunyai kelulusan bagi penarafan jenis kapal udara King Air 350 (Textron Aviation B300) atau pernah memiliki kelulusan atau dalam proses untuk mendapatkan kelulusan daripada CAAM. Petender hendaklah mengemukakan dokumentasi sokongan sebagai bukti pematuhan	YA / TIDAK	
	2.2 Petender bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan penurusan kelayakan penerbangan yang berterusan (continuing airworthiness management services) sama ada melalui Continuing Airworthiness Management Organization (CAMO) yang dimiliki sendiri atau CAMO yang dikontrakkan.	YA / TIDAK	
	2.3 Petender hendaklah telah mendapat kebenaran daripada State Department of The United States of America (USA) untuk mengendalikan komponen yang dikawalselia dibawah International Traffic in Arms Regulations (ITAR) atau mendapat surat sokongan dari mana-mana syarikat di Malaysia yang boleh mengendalikan komponen ITAR atau menyatakan dengan jelas apa-apa cara lain untuk mengendalikan komponen ITAR.	YA / TIDAK	

BIL	PERKARA / KRITERIA	PEMATUHAN	CATATAN PETENDER
2.4	Petender hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya lima (5) jurutera dengan kategori B1.1 dan tiga (3) jurutera dengan kategori B2 yang berkelayakan untuk bekerja pada pesawat King Air 350 milik PGU PDRM. Dokumen bukti pekerja atau surat komitmen untuk menyertai syarikat petender hendaklah dikemukakan bersama sebagai bukti pematuhan.	YA / TIDAK	

* Petender hendaklah membuat ulasan ataupun mengemukakan tawaran di ruang yang berkaitan. Lampirkan dokumentasi bagi mendukung pernyataan.

Saya/kami telah membaca dan meneliti serta memahami syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Dokumen Tender, dengan ini membuat tawaran seperti di atas. Saya/kami mengaku maklumat dan tawaran tersebut adalah benar.

Nama

Petender:

Tandatangan.....

Tarikh:

Cop Syarikat:

DOKUMEN 4

**SURAT KEBENARAN UNTUK MENYEMAK MAKLUMAT PENYATA
BANK DENGAN PIHAK BANK**

**(DOKUMEN INI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP OLEH
PETENDER DAN DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA
KE DALAM SAMPUL B)**

DOKUMEN 4

Nama Petender:.....

Alamat:

.....

Kepada,

Setiausaha Sahagian Perolehan
Kementerian Dalam Negeri
(Pihak yang akan menilai sebut harga / tender)

Tuan,

SURAT KEBENARAN UNTUK MENYEMAK MAKLUMAT PENYATA BANK DENGAN PIHAK BANK

1. Kami / Syarikat..... dengan ini memberi kebenaran kepada Setiausaha Sahagian / pegawai-pegawai di Sahagian Perolehan, Kementerian Dalam Negeri untuk membuat semakan dengan bank-bank bagi tujuan pengesahan ke atas penyata bulanan bank yang kami / syarikat sertakan untuk sebut harga / tender ini.
2. Kami / Syarikat memahami sekiranya maklumat penyata bank tersebut didapati palsu, pihak kami / syarikat akan diambil tindakan selanjutnya oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

..... Tarikh:

(Tandatangan Petender)

*Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

*Nama individu yang termaktub sebagai pemilik syarikat dan pemilik akaun.

Nota : Pihak Kementerian Dalam Negeri berhak membuat laporan kepada pihak Polis / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta disenaraihitamkan sekiranya maklumat yang dibekalkan adalah palsu.

LAMPIRAN A1

KAEDAH PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

**(DOKUMENINI HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP OLEH
PETENDER DAN DIKEMBALIKAN DENGAN MEMASUKKANNYA KE
DALAM SAMPUL A)**

KAEDAH PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Petender

Kesemua Petender yang menghantar dokumen Tender hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di lampirkan. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran Petender.

Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Petender Berjaya

Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima. (Surat Akuan Pembida Berjaya akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima).

SURAT AKUAN PEMBIDA

**TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA
THROUGH LIFE SUPPORT (TLS) UNTUK PESAWAT KING AIR 350 MILIK POLIS DIRAJA
MALAYSIA (PDRM)
[KDN/PL 35/2019-PI]**

Saya, nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam KEMENTERIAN DALAM NEGERI atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam KEMENTERIAN DALAM NEGERI atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama ::

No. KP:

Cop Syarikat:

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkaitan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

